

**Najib adakan lawatan kerja ke Arab Saudi**  
**Malaysian Insider**  
**Feb 29, 2016**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sedang mengadakan lawatan kerja ke Arab Saudi mulai hari ini hingga 3 Mac.

Menurut kenyataan Kementerian Luar Malaysia hari ini, Najib akan menyampaikan ucap-tama berkaitan perkongsian awam-swasta di Forum Ekonomi Jeddah (JEF) pada 1 Mac.

JEF merupakan hab peneraju bagi pemimpin, ahli ekonomi dan ahli perniagaan dari seluruh dunia untuk berbincang serta bertukar pandangan dalam pelbagai isu utama dunia.

Semasa lawatan itu, perdana menteri dijangka menghadap Raja Salman Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota Mohammad Naif Al-Saud dan Timbalan Ketua Mahkota Mohammed Salman Al-Saud.

"Semua pertemuan ini akan membuka peluang kepada para pemimpin berkenaan untuk membincangkan isu serantau dan 2 hala membabitkan kepentingan bersama," menurut kenyataan itu.

Kenyataan Kementerian Luar itu menyebut perdana menteri juga dijadual mengunjungi anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ketika ini berpangkalan di Hafar Al-Batin.

Dalam lawatan itu, Najib akan diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor selain Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein; dan 2 Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Datuk Seri Abdul Wahid Omar di samping pegawai kanan kerajaan.

Menurut kenyataan itu, lawatan kerja berkenaan membawa harapan yang baik dalam hubungan 2 hala antara Malaysia dan Arab Saudi yang akan membantu melonjakkan usaha ke arah mempertingkatkan serta memperkukuhkan lagi hubungan 2 hala serta kerjasama sedia ada antara kedua-dua negara.

"Malaysia dan Arab Saudi terus menjalin kerjasama rapat dalam pelbagai bidang utama termasuk politik, ekonomi, pertahanan dan hal ehwal haji," menurut kenyataan itu.

Arab Saudi adalah satu daripada rakan dagang terbesar Malaysia di Timur Tengah dengan import berjumlah RM7.53 bilion dan eksport RM3.42 bilion. – Bernama, 29 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/najib-adakan-lawatan-kerja-ke-arab-saudi>